



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA  
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**7 Oktober 2021  
30 Safar 1443H**

<b>SENARAI AKHBAR</b>	<b>TAJUK</b>
Utusan Malaysia	<ul style="list-style-type: none"><li>• Ikan yu paus tarik perhatian</li></ul>
Berita Harian	
Harian Metro	
Kosmo !	
Sinar Harian	
The Star	
New Straits Time	
Nanyang Siang Pau	
Malaysia Gazette	
Harakah	
Malaysia Dateline	
Bernamea	
See Hua Daily News (Kuching)	
Guan Ming Daily	
Sin Chew Daily	

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH		
UTUSAN MALAYSIA	/	KOSMO !		THE STAR		NANYANG SIANG PAU			31	7/10/2021
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY				
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI				
KATEGORI LIPUTAN : POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL					

## Ikan yu paus tarik perhatian

**KANGAR** : Selain ikan lumba-lumba, kemunculan ikan yu paus di perairan Kuala Perlis kebelakangan ini menarik perhatian memandangkan spesies unik berkenaan sememangnya sukar ditemukan.

Menariknya, dalam tempoh sebulan ini, ikan dengan anggaran berat 18 tan metrik itu sudah ditemukan sebanyak empat kali iaitu pada 6 September serta pada Sabtu, Ahad dan Isnin lalu oleh nelayan di sekitar perairan Tukun 400 Kuala Perlis di sini.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Pengasas Pencinta Hijau dan Hidupan Liar Perlis (PNW), Syamil Abd. Rahman berkata, kehadiran ikan yu paus atau nama saintifiknya *Rhincodon typus* di perairan Kuala Perlis kebelakangan ini cukup mengagumkan.

Katanya, spesies yu paus merupakan ikan paling besar di dunia yang boleh membesar sehingga 12 meter panjang dengan berat boleh mencecah 21 tan metrik.

Malah katanya, ikan itu juga merupakan spesies paling lama pernah direkodkan berevolusi sejak jutaan tahun.

"Jangka hayat yu paus boleh mencecah sehingga 130 tahun dan hidup di perairan beriklim tropika pada suhu antara 25 hingga 30 darjah Celsius. Yu paus yang dirakamkan di Kuala Perlis ini sepanjang kira-kira '28 kaki' dipercayai berusia dewasa matang berdasarkan rujukan rekod penemuan saintis di kepulauan Andaman," katanya.

Tambah Syamil, difahamkan yu paus berenang dengan perlahan menghampiri permukaan dan boleh membuka mulut se-

lebar satu meter bagi menyedut udang, plankton dan ikan kecil dengan menapisnya menggunakan insang dalam memenuhi permintaan diet hariannya sekurang-kurangnya 20 kilogram sehari.

Namun katanya, disebabkan ia mempunyai insang dan mempunyai ratusan embrio untuk melahirkan anak pada satu-satu masa, ia tidak dikategorikan sebagai mamalia.

"Dengan kehadiran spesies lumba-lumba, spesies paus dan spesies yu paus sebagai pemangsa, Kuala Perlis dilihat merupakan antara perairan penting bagi laluan serta habitat hidupan laut yang lain," katanya.

Semalam, *Utusan Malaysia* melaporkan, keunikan serta keistimewaan Kuala Perlis yang menjadi tumpuan pelbagai spesies unik seperti ikan lumba-lumba dan yu paus perlu dimanfaatkan sebaik mungkin dengan menjadikan kawasan berkenaan sebagai produk pelancongan baharu.

Sebelum ini, pada 8 September lalu akhbar ini melaporkan, selain terkenal dengan julukan 'syurga makanan laut', Kuala Perlis juga istimewa apabila perairan di situ menjadi antara 'lubuk' atau tumpuan ikan lumba-lumba khususnya jenis *Indo Pacific Humpback*.

Meskipun perairan Kuala Perlis tidak seindah pantai-pantai lain seperti Langkawi atau sebagainya namun tetap menjadi 'pilihan' ikan lumba-lumba tersebut. Difahamkan sekitar 200 hingga 300 ikan lumba-lumba terdapat di perairan Kuala Perlis dengan musim kemarau di Perlis antara Disember hingga April.



**KEMUNCULAN** ikan yu paus di perairan Kuala Perlis kebelakangan ini menarik perhatian memandangkan spesies unik berkenaan sememangnya sukar ditemukan.